

1103/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos
2017
2 ¼ jam



**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2017
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**MODUL 1
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
Dua jam lima belas minit**

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.***
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk menyuburkan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

- Menjalankan aktiviti gotong-royong
- Menyemarakkan budaya kunjung-mengunjungi
- Mengadakan majlis rumah terbuka



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih *satu* daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang *panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan*.

- 1 Anda mengambil bahagian dalam pertandingan pidato peringkat sekolah. Tajuk pidato ialah 'Faedah Perhimpunan Pagi kepada Murid'.

Sediakan teks pidato tersebut selengkapnya.

- 2 Peningkatan kos pendidikan, kos rawatan dan harga makanan telah menimbulkan masalah kewangan dalam keluarga.

Bincangkan.

- 3 Kerjasama ibu bapa, komuniti dan pihak sekolah dapat mengurangkan kes buli yang berlaku di sekolah.

Ulas pernyataan di atas.

- 4 Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, penglibatan generasi muda dalam bidang pertanian perlu diberi perhatian.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan generasi muda menceburi bidang pertanian.

- 5 Karya sastera merupakan karya yang mengandungi banyak perkara yang boleh dijadikan pedoman hidup.

Berdasarkan karya yang anda baca, jelaskan perkara-perkara yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan kita.

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos
2017
2 ½ jam



**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2017
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**MODUL 1
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan daripada guru yang bertugas.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan disiplin dalam kalangan murid dan cabaran untuk mendisiplinkan murid**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Disiplin ialah kemahuan untuk mentaati atau menghormati peraturan baik dalam keagamaan, etika sosial mahu pun dalam sesebuah organisasi. Seseorang yang berdisiplin apabila melakukan pelanggaran terhadap disiplin, walaupun sedikit, tetapi dia tetap akan berasa bersalah kerana mengkhianati diri sendiri yang menjatuhkan maruah dirinya. Pelanggaran terhadap disiplin juga boleh menjejaskan hubungan antara individu berkenaan dengan orang-orang di sekelilingnya.

Dalam konteks sekolah, disiplin adalah satu peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah untuk memastikan murid bertingkah laku baik. Perlakuan murid yang baik mencerminkan tahap disiplin sesebuah sekolah. Sekolah yang terkawal disiplinnya menjadi pilihan ibu bapa untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Selain itu, murid dapat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Penerapan nilai murni dalam diri murid akan memberi persepsi positif dalam kalangan ibu bapa terhadap tingkah laku anak-anak mereka. Malah murid yang berdisiplin kelihatan berkeperibadian tinggi dan berketerampilan. Seorang murid yang mempunyai personaliti yang baik lazimnya bersedia untuk belajar. Disiplin yang dikenakan juga dapat mengawal murid daripada melakukan perkara-perkara negatif. Murid akan dikawal daripada merosakkan harta benda sekolah dan terlibat dalam pergaduhan di kawasan sekolah.

Seandainya seseorang murid berdisiplin, maka murid boleh mengawal diri di dalam kelas semasa proses pembelajaran dan pengajaran sedang berlangsung. Murid dapat belajar dengan tenang dan selesa kerana tiada gangguan semasa guru sedang mengajar. Lantaran itu, murid dapat memahami kandungan pembelajaran dengan mudah dan berkesan. Pada masa yang sama, murid tidak mudah terjebak dalam sebarang masalah disiplin di sekolah seperti ponteng kelas atau lewat masuk ke kelas. Hal ini akan memudahkan pihak sekolah melaksanakan semua program sekolah dengan lancar. Faktor disiplin juga memainkan peranan utama menentukan kejayaan seseorang murid dalam pelajaran. Hal ini terbukti apabila keputusan peperiksaan SPM diumumkan, murid yang mempunyai tahap disiplin tinggi dapat menempa kejayaan cemerlang.

Murid haruslah mengetepikan permasalahan peribadi agar mudah memperoleh ilmu yang disampaikan oleh guru. Murid yang berdisiplin dapat menjamin keberkesanan dalam pembelajaran. Oleh itu, hubungan yang baik dan harmonis antara guru dengan murid sangat penting dalam mewujudkan suasana kondusif di sekolah. Tanpa disiplin, murid tidak akan ke mana-mana dan sukar untuk beroleh kejayaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Disiplin Perisai Kawalan Diri'
oleh Izani Hj. Daud,
Wadah Siswa, Januari 2013

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *persepsi positif* berdasarkan petikan.

[2 markah]

- (ii) Pengarang menyatakan beberapa kesan jika para murid tidak berdisiplin.

Nyatakan kesan-kesan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Ibu bapa berperanan penting dalam membentuk disiplin anak-anak agar menjadi insan yang berakhlak mulia dan bersahsiah baik.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk mendisiplinkan anak-anak?

[4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Fikir Aiman, adakah dia akan terjun bersama-sama dengan beberapa biji buah kelapa seperti Si Luncai yang terjun dengan labu-labunya?

Tengok sekarang, dia sedang menyusun sepuluh jarinya. Babah dan ibunya sedar akan perkara itu. Jari-jemarinya jelas montok dan gebu; padat berisi sebagai tanda perut yang tergalas secukupnya. Makanan seimbang dan amalan hidup sihat selalu menjaduali rutin hariannya di tengah-tengah keluarganya yang bengis dan kasar.

Kepada Aiman, layanan seperti itu tidak wajar dilakukan terhadap dirinya. Tamparan selalu singgah di pipiku. Sudah-sudahnya, aku menjadi gagap. Di manakah harmonisnya? Di manakah humanisnya? Mengapakah tidak dimanfaatkan sahaja teknologi tingkah laku?

Tenaga berlebihan? Oh, tidak! Kudrat melebihi ketepuan? Tidak juga. Kelebihan kalsium semasa proses kehamilan? Barangkali si ibu mengambil bahan kimia ini secara berlebihan semasa proses berkenaan. Kemungkinannya ada. Kebarangkaliannya tidak berlaku juga ada.

Dipetik daripada cerpen 'Hipertensi'
oleh Illias Zaidi
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah bukti Aiman mendapat makanan yang secukupnya?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengamalkan pemakanan seimbang?
Nyatakan pendapat anda.
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, *kelakuannya gila-gila bahasa*. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Maka kata Awi Dicu, “Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini.”

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *kelakuannya gila-gila bahasa*?. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Tun Umar untuk menghalang serangan Siam? [3 markah]
- (iii) Pada zaman dahulu, istana raja dibina di tempat yang tinggi.

Pada pendapat anda, mengapakah istana raja dibina di tempat yang tinggi?

[3 markah]

Soalan 2 (d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SEJADAH RINDU

Terkedu aku
di sejadah rindu
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap Ilahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

MOHD. HAIKAL AMINUDDIN
Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *merekah keinsafan di hati yang beku*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan positif apabila seseorang itu menginsafi kesalahan yang telah dilakukan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) memotong
- (ii) menahan
- (iii) menarik

[6 markah]

(b) *Tukarkan **ayat aktif** di bawah kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Golongan petani membersihkan kawasan tanah kebun dengan kaedah pembakaran terbuka.
- (ii) Kami telah membawa mangsa kemalangan jalan raya itu ke hospital sebelum ambulans tiba di tempat kejadian.
- (iii) Anda dapat menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung sekiranya anda menjadi pelanggan stesen televisyen kami.

[6 markah]

(c) *Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Orang ramai yang memanfaatkan kemudahan taman awam mampu meningkatkan tahap kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal seperti senaman dan bersukan secara berkumpulan atau individu. Di samping itu, keindahan persekitaran alam seperti pokok teduhan dan bunga-bunga dikawasan itu dapat memberikan ketenangan kepada orang ramai dan kelegaan daripada stress seharian bekerja. Seseengah taman awam telah berjaya menarik ribuan pelancong kerana mempunyai identiti dan keunikan tersendiri. Hal ini akan membawa peningkatan ekonomi setempat dalam aspek penginapan, perniagaan makanan dan kraftangan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kapal terbang itu telah berhenti di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim selama dua jam setengah sebab kerosakan enjin.
- (ii) Sebagai pengguna, kita haruslah melaporkan kegiatan pencatuan harga kepada pihak berkuasa jika sekiranya peniaga menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.
- (iii) Pembonceng motosikal perlu mempunyai lesen memandu agar mereka tidak pihak polis saman.

[6 markah]

(e) **Isi tempat kosong dalam petikan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.**

- (i) Hubungan mesra Dato' Amir dengan pelbagai lapisan masyarakat di kampungnya tidak menjejaskan kedudukannya sebagai ketua pengarah sebuah syarikat kerana _____.
- (ii) Murid-murid membuat kajian sejarah di Melaka sambil melawat tempat-tempat bersejarah _____.
- (iii) Walaupun keuntungan yang diperoleh syarikat Zahir dan Malim pada tahun ini agak merosot, mereka telah berjanji untuk mengharungi susah dan senang bersama-sama, bak kata peribahasa Melayu _____.

[6 markah]

Soalan4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- ii) Di Sebalik Dinara oleh Dayang Noor
- iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Mat Darin
- iv) Pantai Kasih Karya Azmah Nordin
- v) Tirani Karya Beb Sabariah
- vi) Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
- vii) Bima sakti Menari karya Sri Rahayu Mohd
- viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Dalam sesebuah novel terdapat banyak peristiwa yang memberi teladan kepada pembaca.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa pada bahagian peleraian yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

[8 markah]

KERTAS MODUL TAMAT